

29/10/1997

Kemahiran penting bagi kejayaan MSC, IT

KEJAYAAN multimedia dan teknologi maklumat negara ini adalah bergantung kepada beberapa ciri kemahiran antara masyarakat.

Dengan sasaran untuk menyediakan pekerja yang berpengetahuan multimedia dalam jangka masa panjang, beberapa langkah perlu diambil bagi memenuhi keperluan itu.

Antaranya ialah pendidikan kepakaran multimedia, pendidikan kejuruteraan dan teknologi maklumat meluas, kebolehan menggunakan komputer peribadi, pembangunan perisian dan kandungan, pembangunan sistem maklumat, pembangunan CPE, IT dan peralatan telekomunikasi tempatan serta kapabiliti penyelidikan dan pembangunan.

Ini dinyatakan oleh Ketua Eksekutif, Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali ketika membenteng kertas kerjanya yang bertajuk "Malaysia's Participation in the Global Industry: From Telephony to Multimedia", di Persidangan dan Pameran Telekom 21 Antarabangsa di Sungai Besi, baru-baru ini.

Katanya, konsep Sekolah Pintar (Smart School) iaitu salah satu aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia akan memainkan peranan utama di dalam mempromosikan IT dan multimedia kepada generasi muda yang akan menjadi pemimpin masa depan.

"Pengenalan IT dan multimedia di dalam sekolah pintar akan menjadi pemangkin untuk mempromosikan IT dari peringkat kanak-kanak lagi. Begitu juga kempen kesedaran IT yang dilancarkan oleh PM baru-baru ini dengan harapan projek MSC akan berjaya dan membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia boleh menjadi salah sebuah negara berasaskan IT," katanya.

Kira-kira 19,000 pekerja mahir diperlukan dalam projek MSC dan setiap syarikat atau badan kerajaan yang hendak membabitkan diri seharusnya mengambil langkah penting dengan memberi latihan secukupnya kepada kakitangan mereka.

Penyertaan masyarakat ke dalam era multimedia dan teknologi maklumat adalah yang terbaik. Apa yang diperlukan ialah komitmen daripada semua pihak tidak kira tua atau muda, sama ada sektor awam atau sektor swasta untuk menyahut cabaran di dalam membangunkan negara.

(END)